



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA



Tkt 17, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
Tel: 603-26967999/7809/7803/8140/8142
Fax: 603-26925680
E-mail: info@bqsm.gov.my
Website: www.bqsm.gov.my

Yang Di Pertua: **DATO' Sr ABDULL MANAF BIN HJ. HASHIM**
DIMP, KMN, AMN, AMT, PJC, MIS (M)

Pendaftar: **Sr ABD SHUKOR BIN IBRAHIM**
KMN, AMP, MIS (M)

Setiausaha: **Sr RATNA MAHYUDDIN**
DJN, FISM

SURAT PEKELILING BIL. 3/2008

11 Disember 2008

Kepada: Semua Juruukur Bahan Berdaftar
Semua Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar
Semua Firma Perunding Juruukur Bahan Yang Berdaftar

YBhg. Datuk/Dato'/Madam/Sir,

Program CPD Wajib Bagi Semua Perlantikan Baru - Prinsipal Firma Bertaraf Ketuanpunyaan, Tunggal/Rakankongsi/Pengarah Firma Perunding Juruukur Bahan Di Bawah Seksyen 7A dan 7B Akta Juruukur Bahan 1967 Yang Bertajuk "Essentials For Professionals"


Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) di dalam mesyuarat yang diadakan pada 28 Oktober 2008 telah meluluskan polisi baru yang dikenakan atas semua perlantikan baru - prinsipal firma bertaraf ketuanpunyaan tunggal/rakankongsi/pengarah firma perunding Juruukur Bahan di bawah seksyen 7A dan 7B Akta Juruukur Bahan 1967 berkuatkuasa daripada 1 Januari 2009 adalah dikehendaki menghadiri satu program CPD wajib bertajuk "Essentials for Professionals" dalam tempoh masa satu tahun daripada tarikh lulus sebelum permit pembaharuan firma Juruukur Bahan perunding untuk tahun yang berikut dikeluarkan. Program CPD tersebut adalah untuk menambahkan pengetahuan mereka mengenai keperluan-keperluan penting yang dikehendaki untuk mengurus dan mengendalikan sesebuah firma Juruukur Bahan perunding.

Kepada mereka yang ingin menyertai program tersebut boleh menghubungi urusetia LJBM terlebih dahulu. Jadual kursus tersebut bagi tahun 2009 akan dikeluarkan kemudian oleh Lembaga.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Dengan Perintah Lembaga,


Abd Shukor bin Ibrahim
Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia